

**PENGGUNAAN KATA SENDI NAMA DAN KESAN
PENGGUGURANNYA DALAM AKHBAR**

ZAIN ALABIDIN BIN MOHD YASIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1997

**PENGGUNAAN KATA SENDI NAMA DAN KESAN
PENGGUGURANNYA DALAM AKHBAR**

OLEH

ZAIN ALABIDIN BIN MOHD YASIN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

JUN 1997

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Zain Alabidin bin Mohd Yasin

Jun 1997.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin Allah s.w.t. tesis ini berjaya disiapkan menurut jadual. Kejayaan ini berkat usaha dan kerjasama daripada pihak lain. Oleh sebab itu, penulis mengambil kesempatan yang baik ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak berikut:

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Dihormati Profesor Dr. Abdullah bin Hassan, selaku penyelia yang sangat prihatin terhadap usaha menyelidik dan proses menyiapkan tesis ini. Ketelitian beliau menyemak setiap data banyak membantu meningkatkan keyakinan penulis terhadap usaha penyelidikan ini. Kesungguhan beliau membimbing beserta tunjuk ajar telah mendorong penulis berusaha dengan lebih giat lagi.

Tidak lupa juga terima kasih daripada penulis kepada dua orang pensyarah di Bahagian Pengajian Bahasa Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia iaitu Dr. Darwis Harahap dan Dr. Noriah bt. Mohamed. Berkat bantuan daripada Dr. Darwis Harahap dan Dr. Noriah Mohamed telah melicinkan lagi setiap urusan penulis dengan pihak pentadbiran.

Tidak lupa penghargaan buat Cik Loh Kim Fong, Puan Asmah binti Mansor, Cik Salina binti Md. Idris, Encik Rosely dan individu-individu lain di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang banyak memberi bantuan kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan.

Setinggi penghargaan kepada semua kakitangan di Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia, terutamanya Puan Sarina binti Abdul Rani dan Puan Sakinah binti Abu Bakar yang banyak memberi bantuan melicinkan urusan penulis dengan pihak Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Penghargaan kepada semua kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pusat Sumber Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Awam Banting, Selangor yang memudahkan penulis dalam kerja-kerja memperolehi bahan.

Setinggi penghargaan kepada isteri, Saidatul Azizah Haji Mohd Yusoff dan anakanda Zain ‘Alauddin, Zain ‘Aliuddin, Zain ‘Ariffuddin dan Zain ‘Amaluddin atas kesediaan bersama-sama penulis ketika mengharungi pengajian dengan cuti tanpa gaji.

Tidak dilupakan jasa daripada ibunda Hamsiah Haji Abdul Rani, ayahanda Mohd Yasin bin Ibrahim, ibunda mertua, Hajah Tomirah Haji Sailan dan ayahanda mertua Haji Mohd Yusoff bin Siru, kakanda Kamaruddin sekeluarga, kakanda Hanipah sekeluarga, serta dua belas adinda kandung lainnya.

Terima kasih kepada para guru yang pernah mendidik penulis dan kawan-kawan seperjuangan lainnya.

Zain Alabidin bin Mohd Yasin,

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Jun 1997.

ABSTRAK

Penggunaan Kata Sendi Nama dan Kesan Penggugurannya dalam Akhbar

Kata sendi nama termasuk dalam golongan kata tugas. Kata tugas tidak mempunyai makna leksikal dan ia berfungsi dalam frasa dan ayat untuk menunjukkan soalan, tekanan, penafian dan lain-lain lagi. Kata sendi nama membentuk frasa sendi nama untuk menunjukkan tempat, masa, pelaku, peralatan, penyebab, kesan dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kajian, kata sendi nama betindak sebagai pencerang, predikat dan keterangan dalam ayat. Bilangannya bertambah menurut perubahan masa dan keperluan. Pertambahan ini turut didorong oleh proses pengimbuhan dan pemajmukan. Fungsinya pun turut bertambah seiring dengan pertambahan bilangan.

Kajian ini bertujuan menilai semula definisi, jenis dan bentuk kata sendi nama. Selain itu, menilai kekerapan ia dipergunakan dalam ayat. Kajian ini juga menilai tindakan pengguna menggugurkan penggunaannya dalam ayat beserta kesannya pada struktur dan makna ayat.

Bagi menilai luas penggunaannya, kajian dilakukan pada bahan bertulis seperti jurnal, majalah dan akhbar yang terbit pada setiap bulan atau setiap hari. Data yang diperoleh itu ditampilkan bagi menjelaskan jenis, bentuk dan fungsinya.

Bagi menilai kesan penggugurnya, tiga buah akhbar iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia dan Harian Metro menjadi bahan kajian. Data diperoleh itu, ditampilkan bagi melihat amalan tersebut dan kesannya pada struktur dan makna ayat. Kajian ini telah menemui seratus empat puluh empat kata sendi nama, dua puluh fungsi umum, pertambahan pada fungsi khusus dan penjelasan proses pembentukan kata sendi nama. Kajian mendapati, penggugurnya telah memberi kesan kepada struktur dan makna ayat.

Kajian mendapati kehadiran kata sendi nama dalam ayat membawakan fungsi-fungsi yang dikatakan oleh Quirk dan Greenbaum. Tanpanya dapat menjelaskan struktur dan makna, sekaligus mengganggu kegramatisan ayat berkenaan. Hal ini merupakan pengganggu kepada proses membakukan bahasa Melayu.

ABSTRACT

Preposition Usage and the Effect of its Deletion In Malay Newspapers

Prepositions belong to the function word class. They do not have lexical meanings, but merely perform grammatical functions in phrases and sentences. Such functions indicate place, time, actor, instrument, cause, effect, etc.

This study also indicates that the functions of prepositions include being modifiers, adverbials and predicatives. Its number has also increased in modern Malay due to its need. This happens through the processes of compounding and derivation. Their grammatical functions also increase in number.

This study plans to reevaluate the definition of prepositions, their forms and classifications. Frequency of prepositions occurrences is also studied. This study, then goes on to evaluate the effect of preposition deletion on sentence structures and meanings.

This study is performed on data collected from currently printed journals, magazines, and newspapers. The data is used to explain changes in forms and functions that take place.

To evaluate the effect of preposition deletion, data is taken from three newspapers, namely; Berita Harian, Utusan Malaysia, and Harian Metro. Preposition deletion in these three dailies are counted to find out its effects on sentence structures and their meanings.

This study has discovered one hundred and forty four prepositions in all. They perform twenty different general functions. There were also new specific preposition functions. This finding throws new light on the processes of preposition formations. This study also indicate that the practice of preposition deletion have direct implications on sentence structures and their meanings.

This research, on the use of prepositions in sentences, coincide with the functions mentioned by Quirk and Greenbaum. Their deletions also affect sentence structures and meanings. This renders the sentences ungrammatical, which hinders the process of language standardization.

DAFTAR ISI

PENGHARGAAN	I
ABSTRAK	iii
DAFTAR ISI	vii
BAB I PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian Golongan Kata	1
1.2 Tradisi Kajian Golongan Kata Bahasa Melayu	2
1.3 Kata Tugas	5
1.3.1 Pembahagian Jenis-Jenis Kata Tugas	7
1.3.2 Fungsi Kata Tugas	11
1.4 Masalah Pembakuan Bahasa	12
1.5 Bahan Kajian	13
1.6 Tujuan Peyelidikan	15
1.7 Landasan Teori	16
1.8 Cakupan Kajian Sendi Nama	16
1.9 Kaedah Penyelidikan	17
BAB II BENTUK SENDI NAMA	19
2.1 Definisi Kata Sendi Nama	19
2.2 Jenis Kata Sendi Nama	20
2.3 Bentuk Sendi Nama	24
2.3.1 Sendi Nama Tunggal	28
2.3.2 Sendi Nama Terbitan	33
2.3.2.1 Sendi Nama Terbitan Berimbuhan	33
2.3.2.2 Sendi Nama Terbitan Majmuk	41
2.4 Penulisan Kata Sendi Nama	48
2.5 Kesimpulan	57
BAB III FRASA SENDI NAMA	58
3.1 Definisi Frasa Sendi Nama	58
3.3 Pola Frasa Sendi Nama	59
3.3 Fungsi Frasa Sendi Nama	63
3.4 Kesimpulan	81
BAB IV FUNGSI KATA SENDI NAMA	82
4.1 Fungsi Sendi Nama	82
4.2 Fungsi Umum Kata Sendi Nama	83
4.3 Fungsi Khusus Kata Sendi Nama	103
4.4 Kesimpulan	165

BAB V	ANALISIS PENGGUGURAN SENDI NAMA DALAM AKHBAR	167
5.1 Pengguguran Sendi Nama dalam Akhbar	167	
5.1.1 Pengguguran Sendi Nama dalam Akhbar Berita Harian	168	
5.1.2 Pengguguran Sendi Nama dalam Akhbar Utusan Malaysia	175	
5.1.3 Pengguguran Sendi Nama dalam Akhbar Harian Metro	182	
5.2 Analisis Statistik Pengguguran Sendi Nama	190	
5.2.1 Statistik Pengguguran dalam Berita Harian	191	
5.2.2 Statistik Pengguguran dalam Utusan Malaysia	192	
5.2.3 Statistik Pengguguran dalam Harian Metro	193	
5.2.4 Statistik Pengguguran dalam Tiga Akhbar	194	
5.2.5 Statistik Pengguguran dalam BH,BM,UM,MM dan HM	195	
5.2.6 Analisis Pengguguran Sendi Nama	196	
5.2.7 Analisis Keseluruhan Kes Pengguguran Sendi Nama dalam Akhbar	197	
5.3 Kesimpulan	198	
BAB VI	ANALISIS KESAN PENGGUGURAN KATA SENDI NAMA	200
6.1 Kesan Pengguguran Kata Sendi Nama Terhadap Struktur Ayat	200	
6.2 Kesan Pengguguran Kata Sendi Nama Terhadap Makna	213	
6.2.1 Mengubah Makna	213	
6.2.2 Tidak Mengubah Makna	221	
6.3 Kesan Pengguguran Kata Sendi Nama Terhadap Pembakuan Bahasa Melayu	228	
6.4 Kesimpulan	230	
BAB VII	KESIMPULAN	231
7.1 Dapatan	231	
7.2 Cadangan	237	
BIBLIOGRAFI	239	
SUMBER PENYELIDIKAN	243	
LAMPIRAN	246	

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian Golongan Kata

Linguistik ialah suatu sains yang mengkaji bahasa. Secara etimologi, istilah ini wujud hasil daripada gabungan kata dasar dan imbuhan, iaitu kata *lingua* dan imbuhan akhiran *-ics*. Kata *lingua* dalam bahasa Yunani bermaksud *lidah, suara, bahasa* dan *tutur*. Sedangkan imbuhan akhiran *-ics* dalam bahasa Inggeris bermaksud *ilmu*. Lyons (1992:1) menyimpulkan, linguistik sebagai kajian bahasa yang dilaksanakan secara saintifik.

Menurut Ferdinand de Saussure (1993:3) bidang linguistik telah berkembang melalui tiga tahap. Pada tahap pertama kegiatan linguistik berpusat di Yunani dengan Plato sebagai tokoh pengasasnya. Beliau menyelidiki keupayaan tatabahasa. Ideanya telah dikembangkan oleh Aristotle (384 - 322 SM).

Iskandar Zulkarnain, Raja Mekadonia menakluki dan sekaligus mengembangkan idea Plato dan Aristotle sehingga ke pantai Mediteranian dan Asia Kecil. Dengan demikian dialek Altik bahasa Yunani menjadi bahasa standard yang dipergunakan secara meluas dalam bidang perdagangan, pentadbiran dan pendidikan.

Plato (429-347 SM) telah membezakan golongan *kata nama* dan *kata kerja*. Kemudian Aristotle telah menambah dengan *kata hubung*. Sarjana Stoik yang hidup semasa pemerintahan Iskandar Zulkarnain telah memperkenalkan

nahu tradisional. Idea Sarjana Stoik ini telah dikembangkan oleh Dionysius memperkenalkan *kata keterangan, partisipal, ganti nama dan kata depan* (sendi nama) kepada masyarakat umum. Manakala Apollonius Dyscolus yang hidup pada kurun ke-2 Masehi, telah menghuraikan bentuk susunan kata-kata yang menjadi ayat (sintaksis). Tatabahasanya tersebar sehingga ke Eropah, khususnya di Perancis.

Tahap kedua bertumpu pada bidang filologi. Kegiatan ini berpusat di Alexandria pada 1777 dengan dipelopori oleh Friedrich August Wolf. Kajiannya lebih menitikberatkan usaha memperbetulkan, menginterpretasi dan memberi ulasan terhadap teks-teks yang terhasil secara bertulis.

Tahap ketiga bertumpu kepada kajian filologi komparatif iaitu usaha membanding dan mengkritik teks dengan teks lain yang lahir pada zaman yang berbeza.

1.2 Tradisi Kajian Golongan Kata Bahasa Melayu

Penyelidikan terhadap golongan kata bahasa Melayu telah bermula pada tahun 1653 oleh Joannes Roman (Harimurti Kridalaksana, 1989:10). Dalam karyanya yang berjudul *Grondt ofte Kort Bericht Van de Maleyche Tale, Vervet in Twee Deelen : Het eerste handelende Van de letters ende ende naren aenhangh. Het anderen Van de deelen eener Redene*, Roman telah membahagikan golongan kata bahasa Melayu kepada tujuh, iaitu *kata nama, ganti nama, kata kerja, kata keterangan, kata sendi nama (preposisi), kata hubung, dan interjeksi*.

Kemudian, dalam buku *Maleische Spraakkunst* (1736), George Hendrik Werndly telah menjelaskan ada tiga golongan kata dalam bahasa Melayu, iaitu *kata nama*, *kata kerja* dan *kata konjungsi* yang melibatkan *kata adjektif*, *kata keterangan*, *kata hubung*, *kata nama waktu* dan *kata tunjuk*. William Marsden dalam bukunya *A Grammar of the Malayan Language* (1812) telah membahagikan golongan kata Melayu kepada sembilan, iaitu *kata nama*, *kata adjektif*, *kata bilangan*, *kata ganti nama*, *kata kerja*, *kata keterangan*, *kata sendi nama*, *kata seru* dan *kata partikel*. John Crawford dalam bukunya yang berjudul *A Grammar and Dictionary of the Malay Language, with a Preliminary* (1852) membahagikan golongan kata Melayu kepada tujuh sahaja, iaitu *kata nama*, *kata adjektif*, *kata bilangan*, *kata ganti nama*, *kata kerja*, *kata keterangan* dan *kata hubung*.

Raja Ali Haji turut berusaha mengkaji bahasa Melayu. Dalam karyanya yang berjudul *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1859) yang merupakan sebuah ensiklopedia dan *Bustanul Katibin* (1857), beliau telah membahagikan golongan kata Melayu menurut tatabahasa Arab, iaitu *kata nama (ism')*, *kata kerja (fi'il)* dan *kata partikel (harf)*.

J.J. de Hollander (Kridalaksana, 1990:15) dalam buku *Handleiding bij de Beoefening der Maleische Taal en Letterkunde* (1882), telah pun membahagikan golongan kata Melayu kepada tujuh jenis, iaitu *kata kerja*, *kata adjektif*, *kata nama*, *kata bilangan*, *kata sendi nama*, *kata hubung* dan *kata seru*. Sedangkan Van Wijk (Kridalaksana, 1990:17) dalam buku bertajuk *Spraakdeel der*

Maleische Taal (1889) telah membahagikan golongan kata Melayu kepada sembilan jenis, iaitu *kata nama*, *kata adjektif*, *kata bilangan*, *kata ganti nama*, *kata kerja*, *kata keterangan*, *kata sendi nama*, *kata hubung* dan *kata seru*.

Beberapa tokoh bahasa dari Indonesia turut memperkatakan tentang golongan kata Melayu di dalam karya mereka. Di antaranya adalah Sasrasoeganda dengan bukunya *Kitab Jang Menjatakan Djalan Bahasa Melajoe* (1910). Beliau membahagikan golongan kata Melayu kepada sembilan iaitu *kata kerja*, *kata nama*, *kata adjektif*, *kata bilangan*, *kata ganti nama*, *kata tambahan*, *kata pengantar*, *kata penghubung* dan *kata seru*. R.O. Winstedt dengan buku *Malay Grammar* (1914) membahagikan golongan kata Melayu kepada sembilan, iaitu *kata nama*, *kata adjektif*, *kata kerja*, *kata ganti nama*, *kata bilangan*, *kata keterangan*, *kata sendi nama*, *kata hubung* dan *kata seru*.

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) menghasilkan buku tatabahasa yang dianggap lengkap pada masa itu. Dalam buku *Pelita Bahasa* yang telah diterbitkan dalam tiga penggal. Dalam buku *Pelita Bahasa Penggal 1* (1965:81), beliau membahagikan golongan kata Melayu kepada lima golongan iaitu *kata nama*, *kata perbuatan*, *kata sifat*, *kata sendi* dan *kata seru*. Pertamanya, *kata nama* yang merangkumi *nama khas*, *nama nika* dan *ganti nama*. Kedua, *kata perbuatan* terbahagi kepada *perbuatan melampau* dan *perbuatan tidak melampau*. Golongan ketiga ialak *kata sifat* yang terbahagi kepada *sifat nama* dan *sifat kata*. *Kata sendi* merupakan golongan keempat yang terbahagi kepada *sendi nama* dan *sendi kata*. Sedangkan golongan kata terakhir disebut sebagai *kata seru*.

Dalam buku *Nahu Melayu Mutakhir* (1980), Asmah Haji Omar pula telah menggolongkan kata dalam bahasa Melayu kepada sembilan, iaitu: *kata nama*, *kata gantinama*, *kata bilangan*, *kata kerja*, *kata sifat*, *kata nafi*, *kata supra ayat*, *kata adverba* dan *kata partikel*. Sedangkan Nik Safiah Karim et al. dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (1993:85) telah menggolongkan kata Melayu kepada empat, iaitu: *kata nama*, *kata sifat*, *kata kerja* dan *kata tugas*. Pembahagian ini dipersetujui oleh Abdullah dan Ainon dalam buku *Tatabahasa Dinamika* (1994).

Menurut Abdullah dan Ainon (1994:106-113), tiga daripada empat golongan kata Melayu iaitu *kata nama*, *kata kerja* dan *kata sifat* sudah pun memiliki makna, manakala kata tugas hanya mempunyai fungsi. Kata nama berfungsi sebagai penunjuk kepada kata nama benda, nama orang, nama tempat dan nama perkara. Kata sifat pula berfungsi untuk menyatakan ciri-ciri atau sifat sesuatu benda, orang, perkara dan perbuatan. Sedangkan kata kerja, membawa makna perbuatan yang dilakukan sama ada yang melibatkan objek (kata kerja transitif) atau tidak (kata kerja tidak transitif). Golongan *kata tugas* hanya mempunyai fungsi dan membawa fungsi-fungsi gramatis dalam ayat.

1.3 Kata Tugas

Menurut Nik Safiah et al. dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (1993:85) golongan kata dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu *kata*

nama, kata kerja, kata sifat atau adjektif dan kata tugas. Golongan dan definisi kata tugas dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* ini digunakan untuk kajian itu.

Kata tugas yang tanpa makna leksikal masih mampu berfungsi dalam ayat. Kata ini telah dikelompokkan oleh Ahmajian et al. (1995:26) dalam kelompok morfem bebas dalam kelas tertutup. Dalam rajah pohnnya, Ahmajian et al. (1995:26) meletakkan lima jenis kata, iaitu *kata penghubung, kata sandang, kata penunjuk, kata sendi nama* dan *kata perbanding bernaung* dalam golongan kata tugas.

Kata tugas berbeza daripada *kata nama, kata kerja* dan *kata adjektif*. Perbezaannya ialah kata nama, kata kerja dan kata adjektif mempunyai makna, manakala kata tugas tidak memiliki makna tetapi fungsi gramatis. Fungsi ini berlaku dalam struktur nahu. Oleh sebab itulah, kata tugas disebut juga sebagai *kata struktur* atau *kata gramatis (nahuan)*.

Darwis Harahap (1994:116) menjelaskan maksud kata tugas itu sendiri. Menurut beliau, perkataan ini memiliki tugas memberi keterangan kepada kata inti yang biasanya terdiri daripada *kata kerja, kata nama* dan *kata adjektif*. Abdul Hamid Mahmood (1994:115) telah menjelaskan bahawa kata tugas tidak boleh digolongkan ke dalam kata kerja atau kata nama kerana tidak mengalami proses morfologi. Namun kata ini boleh terbentuk daripada kata sempurna.

Abdullah dan Ainon (1994:216) mengatakan, "...kata tugas tidak memiliki makna tetapi kata tugas hanya mempunyai tugas. Setiap satu kata tugas punya fungsi tersendiri dalam ayat." Pengertian di atas hampir sama

dengan pengertian yang dikemukakan oleh Nik Safiah et al. (1993:237). Menurut Nik Safiah et al. peranan kata tugas bukan sebagai unsur inti dalam sebarang frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif. Kata ini hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung tugas sintaksis tertentu. Kata ini berupaya bertindak sebagai *penghubung, penerang, penentu, penguat, pendepan, pembantu, penegas, penafii, pemberar, pemeri, penekan dan pembenda*.


1.3.1 Pembahagian Jenis Kata Tugas

Ada beberapa cara tokoh bahasa menjelaskan fungsi kata tugas. Bagi memudahkan pembaca membuat perbandingan pada pembahagian jenis kata dalam kata tugas, penulis akan kemukakan rajah. Penjelasan itu adalah berdasarkan pembahagian yang dikemukakan oleh tokoh berikut:

1. Nik Safiah et al.
2. Hashim Musa
3. Darwis Harahap
4. Abdul Hamid Mahmood.


1. Nik Safiah et al. (Tatabahasa Dewan Edisi Baharu)

Nik Safiah et al. (1993:237) telah membahagikan kata tugas menurut kriteria kedudukan dan fungsinya dalam struktur ayat iaitu *kata penyambung ayat, kata praklausa dan kata prafrasa*. Pembahagian tersebut adalah seperti berikut:




2. Hashim Musa (Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu, Satu Huraian dari Sudut Tatabahasa Generatif)

Hashim Musa (1993:306-348) telah menyenaraikan empat belas jenis dan fungsi kata tugas. Pembahagian adalah seperti berikut:



3. Darwis Harahap (Binaan Makna)


Darwis Harahap (1994:116-131) membahagikan kata tugas berdasarkan fungsi kata tersebut ketika berdepan dengan **kata nama**, **kata kerja** dan **kata sifat**. Pembahagian beliau adalah sebagai berikut :



Darwis Harahap (1996:210) telah mengemukakan rajah baru tentang keberadaan unsur tertentu dalam golongan kata tugas dalam struktur ayat. Beliau menyebutnya sebagai *frasa karyaan* dengan diunsuri oleh *frasa kata bantu*, *Kata penguat depan*, *kata karyaan*, *kata penguat belakang*, *frasa nama* dan *frasa sendi nama*.

4. Abdul Hamid Mahmood (Sintaksis Dialek Kelantan)

Abdul Hamid Mahmood (1994 : 115-144) membahagikan penjenisan kata tugas kepada tujuh, iaitu *kata tanya*, *kata hubung*, *kata adverba*, *kata sendi nama*, *kata negatif*, *kata penegas* dan *kata seru*. Pembahagian beliau adalah seperti berikut:



1.3.2 Fungsi Kata Tugas

Menurut Nik Safiah et al. (1993:237), ada enam belas fungsi *kata tugas* dalam ayat, iaitu *menghubung kata, menanya, memberi perintah, membantu kata kerja, menguatkan kata sifat, menyatakan seru, menegaskan kata kerja, menafikan kata nama, memerikan, membenarkan, menunjukkan arah,*

menyatakan bilangan, menekankan makna dan menunjukkan hubungan-hubungan kata nama.

Untuk tujuan kajian ini, fungsi kata tugas tidak dijelaskan secara mendalam. Fungsi kata sendi nama diuraikan oleh penulis dengan lebih mendalam pada bab berikutnya.

1.4 Masalah Pembakuan Bahasa

Ada beberapa masalah yang berkaitan dengan kesalahan tatabahasa dalam ayat. Masalah ini disuarakan oleh Sulaiman Masri (1989:3). Menurut beliau:

...penutur atau pengguna bahasa Bahasa Malaysia masih melakukan kesalahan bahasa, yang saya istilahkan sebagai 'kesalahan umum'. Semasa menggunakan Bahasa Malaysia bertulis, terutamanya, mereka sering melakukan kesalahan umum dari segi ejaan, penggunaan perkataan tertentu, pengimbuhan dan pembinaan ayat.

Kesalahan '*penggunaan perkataan tertentu*' bermaksud kesalahan dan pengabaian terhadap golongan kata tertentu ketika menghasilkan ayat, baik dalam bentuk lisan, mahupun tulisan. Keadaan ini sering melibatkan kata dalam golongan kata tugas. Amalan ini melibatkan makna dan kesempurnaan pada struktur ayat.

Tesis ini mengkaji penggunaan kata sendi nama dan masalah pengguguran kata sendi. Kata sendi ialah satu daripada enam belas jenis kata tugas, iaitu *kata hubung, kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pemberar, kata pangkal ayat, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemeri, kata sendi nama, kata arah, kata bilangan, kata penekan dan kata pembenda*. Kajian ditumpukan

kepada aspek bentuk, ciri-ciri dan fungsi kata sendi itu. Ini bertujuan mengatasi rasa ragu-ragu pengguna bahasa terhadap peranan atau tugas dan bentuk kata jenis ini.

Pengguguran kata sendi nama dalam ayat, sebenarnya telah menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa. Para pembaca mendapati ada ayat yang mengalami pengguguran kata sendi memiliki struktur yang tidak menurut pola ayat yang lazim. Malahan, fenomena ini menjadikan makna yang terkandung dalam ayat tersebut menjadi kabur.

Pengetahuan para pengguna bahasa, khususnya para pelajar mengenai kata sendi nama terhad pada kata sendi nama yang diajarkan dalam buku teks tatabahasa Bahasa Malaysia sahaja, sehingga mereka kurang menyedari kewujudan kata sendi nama lainnya seperti *melainkan*, *mengenai*, *sehinggakan*, *lantaran*, *berkait* dan lain-lain lagi. Kelemahan ini menjadikan para pelajar kurang sedar akan kesan yang timbul akibat pengguguran kata sendi nama terhadap struktur dan makna yang terkandung dalam ayat.

Para pengajar bahasa pula, sering menghadapi masalah memberi didikan mengenai sendi nama berikutan tiada keselarasan antara yang diajarkan dengan yang ditampilkan dalam bahan bercetak.

Oleh kerana itu, wajarlah fenomena ini dikaji bagi menilai semula penggunaan sendi nama, bentuk, fungsi, jenis dan kesan daripada penggugurnya. Dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan panduan untuk memikirkan cara terbaik untuk mengatasinya.

1.5 Bahan Kajian

Isu pengguguran dan kesalahan menggunakan kata sendi nama pernah dibangkitkan oleh Awang Sariyan (1989) dan Abdullah Hassan et al. (1989). Namun, usaha-usaha tersebut bersifat ringkas dan dijalankan sebelum amalan menggugurkan kata sendi nama menjadi lebih serius seperti sekarang.

Bagi menilai sejauh mana amalan menggugurkan kata sendi nama berlaku dalam penulisan, maka tiga buah akhbar tempatan iaitu *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *Harian Metro* dipilih sebagai bahan penyelidikan. Pemilihan ini berdasarkan bahan bercetak ini diterbitkan pada setiap hari, merupakan sumber terkini yang mudah diperolehi dan dimiliki oleh orang ramai. Pemilihannya akan memudahkan lagi usaha menilai kekerapan amalan menggugurkan kata sendi nama kerana proses menilainya dapat dilakukan dari masa ke semasa menurut hari, minggu dan bulan. Tindakan ini berupaya menampilkankan kesimpulan atau dapatan yang lebih mantap dan lebih bersifat objektif.

Bagi menilai kekerapan penggunaannya, jenis, bentuk dan fungsi sendi nama, penulis menggunakan bahan bercetak seperti *Dewan Masyarakat (DM)*, *Dewan Siswa (DSS)*, *Dewan Kosmik (DK)*, *Dewan Ekonomi (DE)*, *Dewan Budaya (DB)*, *Dewan Sastera (DS)*, *Pelita Bahasa (PB)*, *Jurnal Dewan Bahasa (JDB)*, *Prisma (PM)*, *Intisari (IT)*, *Mangga (MG)*, *URTV*, *Massa (MS)*, *Wanita (WN)*, *Gatra (GR)*, *Fokus (FK)*, *Cahaya (CH)*, *Forum (FR)*, *Utusan Malaysia (UM)*, *Mingguan Malaysia (MM)*, *Berita Harian (BH)*, *Berita Minggu (BM)*, *Kurier Unesco (KR)*, *Kanun (KN)*, *Remaja (RM)*, dan *Jelita (JL)*. Terbitan yang

banyak ini memudahkan penulis mendapatkan contoh-contoh ayat terkini bagi menunjukkan kekerapan penggunaan, bentuk dan fungsi kata sendi nama dalam ayat bahasa Melayu.

Berdasarkan data-data bertulis dan contoh-contoh ayat yang menggunakan sendi nama dan mengalami pengguguran memberi peluang kepada penulis dan pembaca membandingkan kelebihan menggunakan kata sendi nama serta menilai implikasi daripada tindakan menggugurnya.

1.6 Tujuan Penyelidikan

Penulis membuat penyelidikan ini dengan hasrat untuk mencapai tujuan berikut:

1. Meninjau semula definisi kata sendi nama, menyenaraikan jenis kata sendi nama, menilai kekerapan dan keberkesanan menggunakananya dalam ayat bahasa Melayu.
2. Menganalisis bentuk serta fungsi umum dan khusus kata sendi nama.
3. Menilai kadar kekerapan amalan menggugurkan kata sendi nama dalam ayat akhbar dan menilai kesan daripada tindakan tersebut terhadap struktur dan makna dalam ayat.
4. Menilai implikasi amalan menggugurkan kata sendi nama terhadap proses membakukan bahasa.

1.7 Landasan Teori

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan landasan teori yang dikemukakan oleh Quirk dan Greenbaum (1978:143), bahawa kata sendi nama ialah:

In the most general terms, a preposition expresses a relation between two entities, one being that represented by the prepositional complement. Of the various types of relational meaning, those of PLACE and TIME are the most prominent and easy to identify. Other relationships such as INSTRUMENT and CAUSE may also be recognized, although it is difficult to describe prepositional meanings systematically in term of such label

Beliau mengatakan kata sendi nama itu menyatakan makna hubungan TEMPAT, MASA, ALAT dan SEBAB.

Di samping itu hubungan *arah, waktu, penghinggaan, penyertaan, gaya, manfaat, pelaku, kiasan, penafian, mengenai, pengecualian, punca, kadar, kesan, penjenisan, langkah dan bandingan* juga dapat dimasukkan ke dalam kategori ini.

1.8 Cakupan Kajian Sendi Nama

Penyelidikan ini bermula dengan usaha mendefinisikan bentuk, jenis dan fungsi kata sendi nama. Maklumat ini digunakan untuk mengkaji fenomena menggugurkan kata sendi nama dalam penggunaan bahasa Melayu dalam akhbar dan majalah, khususnya media massa pada hari ini. Ini dijalankan untuk meninjau kesannya pada struktur ayat dan maknanya.

Kajian mengenai pengguguran sendi nama dilakukan pada ayat yang terdapat dalam *Berita Harian, Utusan Malaysia* dan *Harian Metro*. Kajian

adalah berdasarkan dua puluh tiga sendi nama yang tersenarai dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* oleh Nik Safiah et al. (1993:252), iaitu, *di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, demi, tentang, seperti, bagai, umpama, laksana, sejak, terhadap, akan, oleh, hingga, antara, untuk, dengan, dalam dan sampai*.

Sendi nama terbahagi kepada dua bentuk sendi nama iaitu *tunggal* dan *terbitan*. Sendi nama tunggal ialah *akibat, atas, akan, bak, akan, oleh, bagai, umpama, sebab, berkat, dekat, guna, ibarat, kerana dan laksana*. Kata sendi nama terbitan terdiri daripada kata *sendi nama terbitan berimbuhan* dan *sendi nama terbitan majmuk*. Kata sendi nama terbitan berimbuhan seperti kata *lantaran, menyangkut, menuju, menerusi, melalui, berhubung, menjadi, semenjak, semacam, sebagai, seumpama* dan *hinggakan*. Kata sendi nama terbitan majmuk ialah *oleh kerana, oleh sebab, dengan sebab, sampai ke, selain daripada* dan *sebagaimana*.

Hasil analisis pengguguran sendi nama dikira dan perangkaannya disusun. Implikasi pengguguran itu terhadap struktur dan makna ayat berkenaan turut ditentukan. Dapat itu dijadikan cadangan untuk memperbetulkan kesalahan.

1.9 Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini menggunakan kaedah perpustakaan. Ini bermaksud bahan kajian dikumpulkan daripada bahan bercetak. Ada dua jenis bahan bercetak, iaitu:

- i. Bahan terbitan kekal iaitu buku-buku, majalah-majalah dan jurnal-jurnal bahasa.
- ii. Akhbar-akhbar yang berbahasa Melayu iaitu *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan *Harian Metro*.

Bahan bercetak digunakan kerana ia merupakan korpus bahasa yang dihasilkan secara terancang oleh penulis. Bahan ini disunting pula. Ini menjamin ketepatan dalam penggunaan bahasa itu.

Sebanyak 9122 isu pengguguran digunakan sebagai bahan meliputi 2038 isu *Berita Harian* dan *Berita Minggu*, 150 isu *Dewan Budaya*, 130 isu *Dewan Ekonomi*, 80 isu *Dewan Kosmik*, 45 isu *Dewan Masyarakat*, 40 isu *Dewan Sastera*, 74 isu *Dewan Siswa*, 145 isu *Fokus*, 310 isu *Forum*, 558 isu *Gatra*, 608 isu *Harian Metro*, 440 isu *Intisari*, 420 isu *Jelita*, 48 isu *Journal Dewan Bahasa*, 420 isu *Kurier Unesco*, 620 isu *Massa*, 240 isu *Mastika*, 1326 isu *Mingguan/Utusan Malaysia*, 120 isu *Pelita Bahasa*, 130 isu *Prisma*, 250 isu *Remaja*, 450 isu *URTV* dan 180 isu *Wanita*. Butiran lengkap boleh dirujuk pada lampiran.

Setiap kejadian dicatatkan pada kad dalam ayat penuh. Kad-kad ini disusun dan diproses. Klasifikasi kes pengguguran sendi nama dikira menurut fungsi kata sendi nama yang terlibat.

BAB II

BENTUK SENDI NAMA

2.1 Definisi Kata Sendi Nama

Kata sendi nama disebut juga sebagai *kata depan* atau *preposisi*. Menurut Nik Safiah et al.(1993:252), kata sendi nama sebagai, "...perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama." Asmah (1993:184-185) pula mengatakan, "Kata depan berfungsi dalam frasa preposisi, yakni frasa yang unsur pertamanya ialah kata depan, sedangkan unsur berikutnya boleh terdiri dari kata sempurna. Frasa preposisi berfungsi dalam ayat sebagai adverba."

Abdullah dan Ainon (1994:217), menerangkan yang sendi nama boleh hadir di hadapan perkataan yang diterangkan olehnya. Perkataan yang diterangkan olehnya itu hanya kata nama sahaja sehingga dipanggil *sendi nama*. Dalam Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia (1988:230) ada ungkapan yang menyebutkan "...preposisi atau kata depan adalah kata tugas sebagai unsur pembentuk frasa preposisional. Preposisi terletak di bagian awal frasa dan unsur yang mengikutnya dapat berupa nomina, akjektiva, atau verba."

Za'ba (1965:177), mendefinisikan sendi nama "...ialah yang khas dipakai dengan nama atau ganti-nama sahaja bagi menonjolkan persangkutan nama atau ganti-nama itu dengan sa-suatu perkataan lain di dalam ayat." Menurut Za'ba (1965:177) lagi, hanya kata kerja yang 'berkuasa nama' sahaja yang boleh menjadi penyambut kata sendi nama.

Menurut Parker (1994:94) pula, kata sendi nama merupakan sebahagian daripada bentuk bebas dan bersifat gramatis. Bentuk ini ditulis terpisah daripada perkataan yang mengikutinya sama ada *kata nama*, *kata kerja* dan *kata adjektif*.

Berdasarkan definisi dan fungsi kata sendi nama di atas, penulis menyimpulkan bahawa kata sendi nama itu merupakan morfem bentuk bebas bersifat gramatis. Ia boleh berbentuk tunggal atau terbitan yang menjadi unsur pertama dalam pembentukan frasa sendi nama. Pelengkapnya dalam frasa sendi nama boleh terdiri daripada kata nama atau frasa nama, kata adjektif atau kata kerja bersifat nama.

2.2 Jenis Kata Sendi Nama

Apabila memperkatakan tentang kata sendi nama atau frasa sendi nama, maka akan timbul pertanyaan mengenai kata-kata apakah yang berupaya menjadi kata sendi nama.

Bahasawan Melayu menyenaraikan bilangan kata sendi nama yang berbeza. Nik Safiah et al. (1993:252) telah menyenaraikan dua puluh tiga buah kata sendi nama, iaitu *di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, demi, tentang, seperti, bagai, umpama, laksana, sejak, terhadap, akan, oleh, hingga, antara, untuk, dengan, dalam* dan *sampai*.

Asmah Haji Omar (1993:184-191) menyenaraikan dua puluh enam buah kata sendi nama yang dipergunakan dalam pertuturan dan penulisan bahasa Melayu, iaitu *akan, bersama, dalam, dari, dengan, di, hingga, kepada, kecuali,*

ke, melalui, oleh, pada, sampai, sebagai, tentang, untuk, berkenaan, seperti, umpama, bagaikan, darihal, laksana, ibarat, tanpa dan melainkan.

Menurut beliau lagi, *sendi nama bentuk majmuk* pula, terlalu luas dan sukar untuk ditentukan bilangannya yang tepat.

Buku *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia* (1988:230-235) telah menyenaraikan dua puluh enam buah kata sendi nama, iaitu *bagi, untuk, buat, guna, dari, dengan, di, kerana, sebab, ke, oleh, pada, tentang, sejak, bersama, beserta, menjelang, menuju, menurut, sekeliling, sekitar, selama, sepanjang, mengenai, terhadap* dan *bagaikan*.

Bagi kata *sendi nama gabungan*, *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia* menyenaraikan tujuh buah, iaitu *daripada, kepada, oleh kerana, oleh sebab, sampai dengan, sampai ke* dan *selain dari*.

Harimurti Kridalaksana (1990:98) menyenaraikan lapan puluh enam kata sendi nama dalam bahasa Indonesia, iaitu *akan, akibat, antar, antara, antara..., dengan, bagi, bagaikan, bagi, bak, berbeda dengan, berhadapan, berhadapan dengan, berhubung, berhubungan dengan, berkenaan dengan, berlawanan dengan, bersamaan dengan, bersangkutan dengan, bertentangan dengan, bertolak dari, buat, dalam, dari, dari antara, daripada, dari...ke, dari...sampai, demi, dengan, di, guru, hingga, karena, ke, kecuali, kepada, ketimbang, kurang, laksana, lantaran, lewat, melalui, mengenai, mengingat, mengingat akan, menjelang, menuju, menuju ke, menurut, menyangkut, oleh, oleh karena, oleh sebab, pada, per, peri, perihal, perkara, sama, sampai, sampai dengan,*

sebagai, sebagaimana, secara, sedari, seiring, sejajar, sejak, sejalan, sekeliling, sekitar, selain, selain daripada, selama, selaras, semacam, semenjak, sepanjang, sesuai dengan, tanpa, tentang, terhadap, tinimbang, untuk dan waktu.

Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994:86) telah menyenaraikan empat puluh empat kata sendi nama, iaitu *akan, akibat, antara, atas, bagi, berkat, bersama, berserta, buat, dalam, dari, daripada, dekat, demi, dengan, di, hingga, kepada, kecuali, kerana, ke, melalui, menjelang, mengenai, menurut, oleh, pada, sama, sampai, sebab, sebagai, secara, sejak, sekeliling, sekitar, selain, selama, semacam, sepanjang, terhadap, tentang, untuk, menerusi dan berkenaan.*

Rangkuman daripada himpunan kata sendi nama oleh para tokoh adalah seperti berikut:

akan, akibat, antar, antara, atas, bagi, bagaikan, bagi, bak, berbeda dengan, berhadapan, berhadapan dengan, berhubung, berhubungan dengan, berkenaan dengan, berlawanan dengan, bersamaan dengan, bersangkutan dengan, bertentangan dengan, bertolak dari, buat, dalam, dari, dari antara, daripada, demi, dengan, di, guru, hingga, karena, ke, kecuali, kepada, ketimbang, kurang, laksana, lantaran, lewat, melalui, mengenai, mengingat, mengingat akan, menjelang, menuju, menuju ke, menurut, menyangkut, oleh, oleh karena, oleh sebab, pada, per, peri, perihal, perkara, sama, sampai, sampai dengan, sebagai, sebagaimana,

secara, sedari, seingat, seiring, seajar, sejak, sejalan, sekeliling, sekitar, selain, selain daripada, selama, selaras, semacam, semenjak, sepanjang, seperti, sesuai dengan, tanpa, tentang, terhadap, tenimbang, umpama, untuk dan waktu.

Hasil kajian penulis, ditemui sejumlah seratus empat puluh empat kata sendi nama yang merangkumi *sendi nama tunggal* dan *sendi nama terbitan* yang terdiri daripada *sendi nama terbitan berimbuhan* dan *sendi nama terbitan majmuk*. Malahan, jumlah ini berupaya berkembang menurut masa.

a. *Bentuk tunggal;* *akan, akibat, antara, atas, bagi, bagai, bak, berkat, buat, dalam, dari, dekat, demi, dengan, di, guna, hingga, ibarat, ke, kecuali, keliling, kerana, laksana, lewat, macam, oleh, pada, sampai, sejak, sempena, seperti, serta, tanpa, tentang, umpama dan untuk.*

b. *Bentuk Terbitan;*

i. *Bentuk Terbitan Berimbuhan;* *berbanding, berdasar, berhubung, berkait, bersama, berserta, ketimbang, mengikut, mengingat, mengulas, menjadi, menjelang, menuju, menurut, menyangkut, menyentuh, seakan, sebagai, secara, sehingga, sekitar, selain, selaku, selama, selaras, semacam, semasa, semenjak, sepanjang, seumpama, sewaktu, terhadap, termasuk, lantaran, bagaikan,*